

28/07/1999

G-7 enggan undang G-15 hadir sidang

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata Kumpulan Tujuh (G-7) negara maju tidak mengundang Kumpulan 15 (G-15) negara membangun ke Sidang Kemuncak G-7 yang akan diadakan akhir tahun ini walaupun beliau meminta mereka (G-7) berbuat demikian.

Perdana Menteri berkata, beliau menyarankan kepada G-7 supaya Presiden Mesir Hosni Mubarak, pengerusi G-15 sekarang, mewakili negara membangun pada mesyuarat itu.

"Tetapi mereka (G-7) tidak mengundang kita," katanya dalam wawancara khas di LID keempat di sini.

Dr Mahathir diminta menjelaskan mengenai kenyataan Speaker Parlimen Kyrgyzstan, Usup Mukambayev, yang beliau (Dr Mahathir) patut bercakap bagi pihak negara membangun di Sidang Kemuncak G-7.

Usup, yang berada di sini untuk LID, membuat saranan itu pada perjumpaannya dengan Dr Mahathir pagi ini.

Britain, Kanada, Perancis, Jerman, Itali, Jepun dan Amerika Syarikat menjadi anggota G-7, yang juga dikenali sebagai `kelab negara kaya'. Jika Russia dimasukkan, perkumpulan itu dikenali secara kolektif sebagai G-8.

Dr Mahathir berkata, adalah tidak benar beliau akan menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak G-7.

Katanya, apa yang berlaku ialah anggota G-15 mahu beliau menghadiri Sidang Kemuncak G-7.

"Saya tidak boleh menemui mereka (G-7) kerana mestilah ketua sekarang (G-15) menemui mereka," kata Dr Mahathir.

(END)